

SULIT



PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2023

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2023

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Oktober 2023

2 ½ jam

3756/2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B.**
3. Tulis jawapan anda pada kertas **Lejar, Jurnal, Buku Tunai** dan helaian tambahan yang dibekalkan.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.
6. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
8. Anda diingatkan untuk menulis nama di setiap kertas **Lejar, Jurnal** dan helaian tambahan yang digunakan untuk menulis jawapan.

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

|Lihat Halaman Sebelah
SULIT

?3 HakCipta BPSBP

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan.*

- 1 (a) Nyatakan andaian atau prinsip perakaunan bagi situasi berikut:

(i) Kadar susut nilai lengkapan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 ialah 10% setahun mengikut kaedah garis lurus. Kadar ini masih digunakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

(ii) Merekodkan pembelian 10 unit kerusi pejabat secara tunai daripada Ferhat Trading dengan harga RM28 seunit.

[2 markah]

- (b) Nyatakan catatan bergu bagi urus niaga berikut:

Urus niaga	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
Jual komputer terpakai kepada Nasir secara tunai dan wang dibankkan.	P	Q

Apakah P dan Q?

[2 markah]

- (c) Berikan **dua** sebab berlakunya perekodan yang tidak lengkap dalam sesebuah perniagaan.

[2 markah]

- (d) Akaun Pelupusan Kenderaan berikut diperoleh daripada buku perakaunan Restoran Sulaimi.

Akaun Pelupusan Kenderaan

2023	RM	2023	RM
Jun 30 Kenderaan	25 000	Jun 30 R	7 500
		Bank	18 000

- (i) Nyatakan butir R.

[1 markah]

- (ii) Hitung untung atau rugi atas pelupusan kenderaan.

[1 markah]

- (e) Baki-baki aset dan liabiliti pada 30 September 2023 Pustaka Murni adalah seperti berikut:

	RM
Bank (overdraf)	10 540
Inventori akhir	39 320
Akaun Belum Terima	8 765
Akaun Belum Bayar	9 190
Kenderaan	65 730

Hitung nisbah semasa.

[2 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

SULIT

- 2 Berikut ialah maklumat yang diperoleh daripada buku perniagaan *The H-Connection* yang beroperasi di Senawang Business Park, Negeri Sembilan.

The H-Connection
Imbanan Duga pada 31 Mac 2023

	Debit (RM)	Kredit(RM)
Modal pada 1 April 2022		60 750
Lengkapan (Kos)	8 500	
Kenderaan (Kos)	30 000	
Premis	32 000	
Susut nilai terkumpul lengkapan		850
Susut nilai terkumpul kenderaan		10 800
Tunai	3 980	
Bank	21 860	
Utiliti	1 670	
Belian dan Jualan	115 000	164 150
Angkutan keluar	1 600	
Insurans	1 800	
Gaji	11 790	
Pinjaman		26 250
Pulangan belian		350
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	34 400	19 350
Inventori pada 1 April 2022	24 000	
Sewa		4 500
Faedah atas pinjaman	400	
	<hr/> 287 000	<hr/> 287 000

Maklumat tambahan:

- i. Inventori pada 31 Mac 2023:

Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
16 730	17 630

- ii. Sebahagian ruang premis perniagaan disewakan kepada Akmal RM500 sebulan.
- iii. Insurans premis perniagaan RM1 800 dibayar untuk tempoh setahun berakhir 30 Jun 2023.
- iv. Pada 1 Mac 2023, perniagaan menerima tempahan jualan barang niaga RM9 500 daripada Murni Jaya Enterprise dan telah menerima 15% bayaran daripada jumlah tempahan. Tempahan akan disiapkan pada bulan April 2023.
- v. Perniagaan telah membuat pinjaman bank RM30 000 pada 1 Oktober 2022 dengan kadar faedah 4% setahun. Ansuran pinjaman adalah selama 4 tahun.
- vi. Seorang pelanggan telah meninggal dunia. Perniagaan telah bersetuju untuk membuat pelarasan kepada baki hutang pelanggan tersebut RM750 sebagai hutang lapuk.
- vii. Peruntukan hutang ragu telah diwujudkan dengan kadar 2% atas Akaun Belum Terima bersih.
- viii. Polisi susut nilai aset bukan semasa:

Aset Bukan Semasa	Kaedah	Kadar susut nilai
Lengkapan	Garis lurus	10%
Kenderaan	Baki berkurangan	20%

- ix. Ambilan barang niaga RM640 untuk dihadiahkan kepada anak belum dicatatkan dalam mana-mana akaun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2023. [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2023. [12 markah]

- 3 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Kelab Futsal Wawasan.

<u>Baki pada 1 Januari 2022:</u>	RM
Bank	33 650
Gelanggang futsal	85 000
Peralatan futsal	56 200
Yuran belum terima	1 600
Yuran belum terperoleh	840

Penerimaan:

Yuran pendaftaran	1 400
Yuran ahli 2021	1 200
Yuran ahli 2022	38 000
Yuran ahli 2023	2 800
Kutipan yuran penyertaan Kejohanan Liga Futsal	7 200
Sewa loker	2 300
Derma	45 000

Pembayaran:

Belanja penyelenggaraan	3 000
Gelanggang futsal	40 500
Peralatan futsal	12 500
Belanja Kejohanan Liga Futsal	5 950
Belanja am	1 920
Majalah	680
Sumbangan Jogathon SK Setia	550

Maklumat tambahan:

- (i) Yuran belum terima pada 31 Disember 2022 adalah RM600.
- (ii) Yuran ahli tahun 2021 yang tidak dapat dikutip dianggap yuran lapuk.
- (iii) Sewa loker RM250 yang diterima termasuk sewa bulan Januari 2023.
- (iv) 90% daripada derma yang diterima adalah untuk pengubahsuaian gelanggang futsal dan bakinya adalah untuk kegunaan pengurusan kelab.
- (v) Peralatan futsal pada 31 Disember 2022 dinilaikan pada harga RM62 700.
- (vi) Pengurusan kelab melanggan majalah dengan bayaran bulanan RM60.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata mengira dana terkumpul pada 1 Januari 2022. [3 markah]
- (b) Akaun Yuran Ahli. [7 markah]
- (c) Penyata mengira untung atau rugi kejohanan liga futsal. [2 markah]
- (d) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [10 markah]
- (e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 dengan menunjukkan dana terkumpul dan pendapatan modal sahaja. [3 markah]

Bahagian B

[40markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4(a) Perniagaan Suria menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan nilai panjar berjumlah RM300 diperuntukkan setiap bulan. Pada 1 Mei 2023, sekeping cek bernilai RM265 telah diterima daripada ketua juruwang bagi nilai bayaran balik awal bulan.

Berikut adalah penggunaan wang sepanjang bulan Mei 2023.

2023	RM
Mei 1 Baki tunai runcit	?
3 Pen dan pensil	22
5 Tol dan petrol kenderaan	65
12 Pewangi tandas	18
15 Pinjaman kepada pekerja	80
20 Ambil dua batang pen untuk kegunaan anak	7
24 Dakwat mesin cetak	45
27 Kopi dan gula pejabat	16

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 1 Jun 2023 dengan menunjukkan lajur alat tulis, tambang, belanja pejabat dan pelbagai.

[10 markah]

- 4(b) Maklumat berikut merupakan butiran yang menyebabkan perbezaan antara Buku Tunai dan Penyata Bank bagi Perniagaan Luziq pada 31 Julai 2023.

Buku Tunai (petikan ruangan bank sahaja)

2023		RM	2023		RM
Jul. 29	Zaki Firdaus	8 000	Jul. 18	Hudzaifah	4 200
			27	Iskandar	2 100
			31	Baki h/b	16 350

Penyata Bank (petikan)

Tarikh	Perkara	Debit	Kredit	Baki
2023		RM	RM	RM
Jul. 15	Dividen (Arep Berhad)		1 500	...
18	Buku cek	25		...
25	Sewa (Danish)		750	...
30	Caj bank	30		...
31	Faedah simpanan tetap		185	17 030 (kt)

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2023 tanpa mengemaskini Buku Tunai.

[10 markah]

- 5(a) Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Butik Lily Hanani pada 1 Ogos 2023.

	RM
Mesin	10 000
Lengkapan	6 000
Bank	5 600
Komisen belum terima	100
Akaun Belum Bayar	4 550
Tunai	1 150
Inventori	20 300
Modal	38 600

Urus niaga sepanjang bulan Ogos adalah seperti berikut:

2023

- Ogos 3 Membeli barang niaga RM1 500 secara kredit daripada Pembekal Sutera Indah
- 5 Jualan tunai RM2 500. Harga kos barang niaga RM1 250.
- 12 Ambilan barang niaga RM300 untuk kegunaan keluarga.
- 18 Pemilik membawa masuk penyaman udara RM2 000 dalam perniagaan.
- 24 Membayar belanja membaiki mesin dengan cek RM200.
- 31 Menerima komisen termasuk komisen belum terima RM250 dengan tunai.

Anda dikehendaki melengkapkan jadual persamaan untuk menunjukkan kesan urus niaga pada bulan Ogos 2023.

[8 markah]

ini pada

- 5(b) Mirza Adani, pemilik Butik Mirza telah menjalankan perniagaan pada tahun 2022 dengan menjual pelbagai jenis jubah Abaya di Aeon Mall, Seremban.

Berikut adalah maklumat perniagaan yang diperoleh pada 1 November 2023.

	RM
Bank	8 000
Tunai	700
Lengkapan	15 000
Inventori	20 000

Anggaran penerimaan dan pembayaran bagi tempoh tiga bulan berakhir 31 Januari 2024 seperti berikut:

- (i) Belian pada bulan November RM16 000 dan akan meningkat 5% setiap bulan daripada bulan sebelumnya. 60% daripada jumlah belian adalah secara tunai dan bakinya secara kredit. Tempoh kredit selama 60 hari.
- (ii) Anggaran jualan tunai:

	RM
November 2023	23 000
Disember 2023	25 300
Januari 2024	27 830

- (iii) Rak pameran RM10 000 dijangka akan dibeli pada bulan Januari 2024 dengan pendahuluan RM4 000. Bakinya akan dibayar secara ansuran sebanyak tiga kali bermula bulan berikutnya.
- (iv) Sebahagian premis perniagaan telah disewakan dengan kadar RM1 000 sebulan.
- (v) Anggaran belanja bulanan:

	RM
Gaji	1 200
Belanja am	300

- (vi) Lengkapan disusut nilaikan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Januari 2024. [12 markah]

- 6(a) Kilang Tembikar Mambang terletak di Chini Pahang merupakan perniagaan yang terlibat dengan pengeluaran pasu tembikar. Maklumat berikut diperoleh pada 30 September 2023.

Kilang Tembikar Mambang
Imbangan Duga Pada 30 September 2023

	Debit	Kredit
	RM	RM
Inventori pada 1 Oktober 2022:		
Barang siap	7 002	
Bahan langsung	8 625	
Kerja dalam proses	3 223	
Alat-alat kecil	980	
Loji dan Mesin	120 000	
Susut nilai terkumpul loji dan mesin		42 000
Jualan		225 000
Belian bahan langsung	70 000	
Upah buruh langsung	36 500	
Angkutan masuk bahan langsung	2 814	
Akaun Belum Terima		31 580
Akaun Belum Bayar		29 000
Sewa		36 000
Gaji pekerja pejabat		11 055
Insurans kilang		1 200
Kadar bayaran		4 200
Belian alat-alat kecil	680	
Tunai		6 500
Bank		128 400
Modal pada 1 Oktober 2022		172 759
	468 759	468 759

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 September 2023:

	RM
Barang siap	3 200
Bahan langsung	6 529
Kerja dalam proses	4 465
Alat-alat kecil	180

- (ii) Upah buruh langsung bulan September 2023 sebanyak RM7 500 belum dibayar.
- (iii) Insurans kilang tahunan dibayar untuk tempoh berakhir 31 Oktober 2023.
- (iv) Nilai skrap loji dan mesin selepas 10 tahun RM15 000.
- (v) Sewa dan kadar bayaran dibahagikan antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 3:1.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 September 2023.

[11 markah]

- 6(b) Maklumat berikut diperoleh daripada buku Zanuri Enterprise pada ~~1 April 2023~~
1 April 2023.

	RM
Baki debit Lejar Belian	4 500
Baki kredit Lejar Belian	23 810
Baki debit Lejar Jualan	15 910

Sepanjang bulan April 2023, urus niaga berikut telah berlaku:

	RM
Belian tunai	5 280
Jualan tunai	27 500
Belian kredit	18 120
Jualan kredit	9 780
Pulangan masuk	430
Peruntukan hutang rugu	841
Diskaun diterima	860
Diskaun diberi	440
Hutang lapuk	1 455
Pembayaran kepada pembekal	15 789
Pindahan baki daripada lejar jualan ke lejar belian	2 600
Penerimaan cek daripada pelanggan (termasuk hutang lapuk terpulih RM690)	11 350
Cek pelanggan tak laku	1 600
Diskaun diberi dibatalkan	80

Pada 30 April 2023, maklumat berikut diperoleh:

	RM
Baki debit Lejar Belian	295
Baki kredit Lejar Jualan	480

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima. [9 markah]

- KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT -